



## SIARAN MEDIA

### MAKLUMAN PENANGGUHAN SEMENTARA KEBENARAN KEMASUKAN DARI REPUBLIK INDONESIA

***Bandar Seri Begawan, Isnin, 19 Julai 2021***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa berikut situasi jangkitan COVID-19 di Republik Indonesia, **kebenaran kemasukan warganegara asing yang berlepas daripada atau melalui Republik Indonesia adalah ditangguhkan dengan serta merta sehingga ke satu tarikh yang akan diumumkan kemudian**, iaitu bagi perkara-perkara berikut:

- 1- **Perjalanan masuk semua warganegara asing yang berlepas dari atau melalui mana-mana lapangan terbang di Indonesia (*direct flight*); dan**
- 2- **Perjalanan masuk warganegara asing yang berlepas dari Indonesia dan memasuki Negara Brunei Darussalam secara *transit* dari mana-mana lapangan terbang.**

Manakala bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki negara ini dari Indonesia pula, kebenaran tersebut adalah ditarik balik sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian, tertakluk kepada penilaian lanjut.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi *travel hotline* di talian **120** semasa waktu bekerja.

#### **JABATAN PERDANA MENTERI**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

08 Zulhijjah 1442  
19 Julai 2021



## MEDIA RELEASE

### TEMPORARY SUSPENSION ON TRAVEL FROM THE REPUBLIC OF INDONESIA

***Bandar Seri Begawan, Monday, 19<sup>th</sup> July 2021***

By the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, the Prime Minister's Office would like to inform that following the on-going situation of COVID-19 in the Republic of Indonesia, **approvals on the entry for foreign nationals departing from or through the Republic of Indonesia are temporarily suspended with immediate effect until further notice**, which applies to **entry travels of all foreign nationals departing from or through any airport in Indonesia (direct flight) OR travelling from Indonesia to Brunei Darussalam via transit at any other airport.**

In addition, the temporary suspension also applies to foreign nationals who have been granted pre-approvals to enter Brunei Darussalam from Indonesia, which have therefore been suspended.

For further information and details, please contact our operators at the travel hotline **120** during working hours.

#### **PRIME MINISTER'S OFFICE**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Brunei Darussalam

8<sup>th</sup> Zulhijjah 1442  
19<sup>th</sup> July 2021